



**PANDUAN KAEDAH PERLAKSANAAN IBADAH
DALAM BULAN RAMADAN SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
COVID-19**

TUJUAN

Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi penerangan kepada masyarakat awam khususnya kepada pesakit dan petugas barisan hadapan (frontliners) Covid-19 mengenai kaedah pelaksanaan ibadat pada bulan Ramadan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

SKOP

Panduan ini boleh digunapakai oleh petugas barisan hadapan (frontliners), pesakit Covid-19 serta masyarakat awam di Pulau Pinang dalam melaksanakan ibadat di bulan Ramadan.

PANDUAN 1:

PANDUAN BERPUASA PESAKIT COVID-19

01



Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur.

02



Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan diri masing-masing.

03



Diharuskan berbuka puasa apabila tidak mampu meneruskan ibadah puasa

04



Diharuskan berbuka atas nasihat para doktor Muslim yang merawat mereka, sekiranya puasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan pesakit

Diharuskan untuk tidak berpuasa bagi pesakit yang kritikal.

Pesakit yang tidak berpuasa hendaklah menghormati bulan Ramadan dengan menjaga adab-adab tertentu.

Ibadah puasa yang ditinggalkan hendaklah digantikan semula setelah mereka sihat mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

Disarankan memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat yang lain seperti mendirikan solat tarawih, solat-solat sunat, membaca al-Quran, berselawat, berdoa, bersedekah dan sebagainya.

05



06



07



08



PANDUAN 2:

PANDUAN BERPUASA PETUGAS BARISAN HADAPAN (FRONTLINERS)

01

Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur.

02

Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan

03

Diharuskan berbuka puasa apabila tidak mampu meneruskan ibadah puasa

04

Tidak menyebarkan kepada umum bahawa mereka tidak berpuasa di siang hari.

05


Hendaklah menghormati bulan puasa dengan mengelakkan perbuatan makan di tempat awam dan terbuka.

06

Wajib menggantikan ibadah puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan selepas berakhir bulan ramadan.

PANDUAN 3: **SOLAT SUNAT TARAWIH**

Solat Sunat Tarawih hendaklah dilaksanakan di rumah atau tempat kediaman masing-masing bersama ahli keluarga. Ini kerana, mentaati peraturan dan ketetapan kerajaan yang memerintah untuk kemaslahatan umum adalah satu kewajipan yang diiktiraf oleh syarak.



PROGRAM IHYA' RAMADAN

01

Mana-mana kutipan bagi Program Ihya' Ramadan yang telah diterima oleh pihak masjid atau surau sebelum ini, pihak Jawatankuasa boleh menyalurkan sumbangan alternatif yang lain seperti bantuan kewangan atau sumbangan bahan metalah atau keperluan harian kepada ahli-ahli kariah yang memerlukan bagi tujuan penggunaan sepanjang Ramadan seperti berbuka puasa, bersahur dan seumpama dengannya. Pihak masjid dan surau boleh menangguhkan penggunaan hasil kutipan Program Ihya' Ramadan tersebut untuk Program Ihya' Ramadan pada tahun berikutnya.

02

Tazkirah atau ceramah sempena Ramadan adalah tidak dibenarkan di masjid dan surau.

03

Tadarrus al-Quran dan lain-lain ibadah sepanjang Ramadan hendaklah dilaksanakan di rumah masing-masing.